

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

1 - 15 OGOS, 2026

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Tokoh sejarah pemikiran Islam

**DR. ABDUL RAHMAN ABDULLAH** tidak asing lagi dalam dunia akademik negara. Beliau dikenali sebagai tokoh akademik, sejarawan dan penulis prolifik yang banyak menyumbang kepada perkembangan bidang Sejarah Pemikiran, Falsafah dan Tamadun Islam di Alam Melayu.

Memulakan kerjaya sebagai pensyarah sejarah di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1984, beliau sebelum itu merupakan seorang guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (kini Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI), Tanjung Malim.

Minat yang mendalam terhadap ilmu mendorong beliau menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana di USM sebelum memperoleh ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Sepanjang karier akademiknya, Dr. Abdul Rahman telah menghasilkan pelbagai karya penting yang menjadi rujukan dalam bidang sejarah dan pemikiran Islam, antaranya Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran; Pengantar Ilmu Sejarah; Gerakan Islah di Perlis: Sejarah dan Pemikiran serta Wacana Falsafah dan Sejarah.

Sumbangan besar beliau turut diiktiraf menerusi penerbitan sebuah buku khas *(festschrift)* bertajuk Isu-Isu Terpilih dalam Sejarah Pemikiran: Sumbangsih kepada Dr. Abdul Rahman Abdullah sebagai penghargaan terhadap pemikiran dan karya-karyanya.



**ABDUL Rahman Abdullah menunjukkan antara 40 karya yang dihasilkannya.**

## Minat terhadap seni lukis

Di sebalik kejayaan dalam bidang akademik, Dr. Abdul Rahman mendedahkan bahawa minat asalnya bukanlah terhadap sejarah atau penulisan, sebaliknya seni lukis.

"Kalau hendak dikira dari segi semula jadi, minat saya sebenarnya adalah melukis. Ketika di bangku sekolah, saya bercita-cita menjadi seorang pelukis dan kerana terlalu meminati bidang itu, saya agak kurang cemerlang dalam akademik," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN** ketika ditemui sempena wawancara khas di kediaman beliau dekat Kepala Batas pada 10 Jun lalu.

Beliau mengakui pernah mengagumi pelukis dan penyair terkenal, Datuk Latiff Mohidin serta pelukis tersohor, Abdullah Hussain, sehingga memasang impian untuk menjadi seperti mereka.

Namun, perjalanan hidupnya berubah ketika membantu ayahnya yang merupakan seorang tok guru pondok dan pada masa sama menjual ubat majun.

"Setiap kali keluar membeli bahan untuk membuat majun, saya akan singgah di kedai buku dan mencari buku berkaitan lukisan," ujarnya.

## Karya Hamka ubah kehidupan

Menurut beliau, pertemuan secara tidak sengaja dengan sebuah buku tulisan Allahyarham Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau Hamka menjadi titik perubahan besar dalam hidupnya.

"Saya terpegang sebuah buku falsafah berkaitan ketuhanan tulisan Hamka yang diterbitkan oleh Abbas Bandung.

"Saya membelinya sekadar suka-suka kerana pada masa itu saya langsung tidak berminat dengan bidang akademik, namun, buku itu seolah-olah mempunyai daya tarikan yang luar biasa.

"Dari satu halaman ke satu halaman, saya terus membaca dan mula dipenuhi pelbagai persoalan mengenai falsafah dan kehidupan," katanya.

Daripada situlah timbul rasa ingin tahu yang mendalam sehingga mendorong beliau membaca lebih banyak karya Hamka, khususnya berkaitan falsafah dan tasawuf moden.

Malah, beliau pernah mengutus sepucuk surat kepada Hamka bagi mendapatkan jawapan terhadap beberapa persoalan yang bermain dalam fikirannya, dan lebih mengujakan apabila tokoh ulama dan sasterawan itu membalas surat tersebut.

## Mengagumi Imam Al-Ghazali dan Syed Muhammad Naquib Al-Attas

Selain Hamka, Dr. Abdul Rahman turut menjadikan Imam Al-Ghazali sebagai tokoh yang paling banyak mempengaruhi pemikirannya.

Beliau menyifatkan Imam Al-Ghazali sebagai seorang *polymath*, iaitu ilmuwan yang menguasai pelbagai cabang ilmu secara mendalam.

"Sehingga kini, saya mempunyai kesemua 40 kitab terjemahan Imam Al-Ghazali. Beliau merupakan tokoh yang banyak membentuk pemikiran saya dan menjadi panduan dalam menghasilkan hampir 40 karya setakat ini," jelasnya.

Beliau turut mengagumi tokoh pemikir peradaban Islam, Tan Sri Prof. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, malah pernah mengutus surat kepada tokoh berkenaan untuk berdialog dan bertukar pandangan.

• *Sambungan di muka 2.*

# Legasi ilmu terus hidup manfaat generasi muda

• *Sambungan dari muka 1.*

### Karya yang membawa kontroversi

Mengimbau perjalanan sebagai penulis, Dr. Abdul Rahman mengakui sebuah bukunya yang diterbitkan pada tahun 1997, Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran, memberi kesan paling besar dalam kehidupannya.

Beliau menyifatkan penerbitan buku itu sebagai satu 'malapetaka besar' kerana kandungannya yang dipengaruhi sentimen politik ketika itu sehingga hampir menyebabkan beliau kehilangan jawatan sebagai pensyarah di USM.

"Saya turut disenarai hitam dan dihalang daripada kenaikan pangkat selepas pihak universiti mengetahui tentang buku ini.

"Alhamdulillah, saya tidak disingkirkan dan karya itu menjadi buku terakhir berkaitan politik yang saya tulis," jelasnya.

### Setiap karya ada nilai tersendiri

Walaupun pernah berdepan pelbagai cabaran, Dr. Abdul Rahman enggan menamakan mana-mana karya sebagai yang terbaik.

Bagi beliau, setiap buku yang dihasilkan mempunyai nilai sentimental dan keistimewaan tersendiri pada waktu karya tersebut ditulis.

Antara karya yang amat dekat di hatinya adalah trilogi Ensiklopedia Sejarah Turki, iaitu Membongkar Zaman Sebelum Uthmaniyah dan Zaman Uthmaniyah (Jilid 1), Membongkar Sejarah Kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah dan Pra Kemunculan Mustafa Kamal Ataturk (Jilid 2), serta Membongkar Sejarah Ancaman Sekularisme dan Proses Islamisasi di Turki Moden (Jilid 3).

"Saya tidak boleh mengatakan karya saya yang terbaik kerana yang layak menilai adalah pembaca, bukan saya.

"Tetapi bagi saya, semua karya adalah terbaik dan mempunyai nilai sentimental yang tersendiri.

"Apa yang penting, setiap karya yang dihasilkan mestilah mempunyai ilmu yang bermanfaat untuk masyarakat," katanya ketika ditanya mengenai karya paling istimewa yang dekat di hati beliau.

### Sumbangan sejarah Islam kepada tamadun dunia

Menurut Dr. Abdul Rahman Abdullah, sejarah tidak dapat dipisahkan daripada tamadun kerana kedua-duanya saling berkait dalam membentuk perkembangan sesebuah masyarakat dan peradaban.




**ANTARA karya yang diterbitkan.**

Beliau menjelaskan bahawa kajian sejarah secara mendalam akan memperlihatkan bagaimana tamadun Islam telah memberikan pengaruh besar terhadap pembentukan tamadun Barat moden.

"Jika kita kaji secara lebih mendalam, kita akan melihat bagaimana pengaruh Islam telah membentuk tamadun Barat pada hari ini.

"Walaupun Barat sering memandang serong terhadap Islam, hakikatnya mereka telah membawa pulang buku-buku yang ditulis oleh sarjana Islam dan menjadikannya sebagai panduan untuk membina tamadun mereka," ulasnya.

Menurut beliau, ketika Eropah berada dalam era yang dikenali sebagai Zaman Gelap *(Dark Ages)*, dunia Islam pula sedang menikmati zaman kegemilangannya atau *The Golden Age*, yang menyaksikan perkembangan pesat dalam pelbagai bidang ilmu seperti falsafah, sains, perubatan, matematik, astronomi dan teknologi.

Beliau menyatakan bahawa karya-karya agung yang dihasilkan oleh sarjana Islam seperti Ibn Sina, Al-Farabi, Al-Khawarizmi, Al-Ghazali dan Ibn Rushd bukan sahaja menjadi rujukan di dunia Islam, malah diterjemahkan ke bahasa Latin sebelum digunakan secara meluas di universiti-universiti Eropah.

"Justeru, sejarah membuktikan bahawa tamadun dunia hari ini dibina atas sumbangan pelbagai peradaban, dan tamadun Islam merupakan antara penyumbang terbesar kepada perkembangan ilmu dan kemajuan manusia sejagat," tambahnya.

### Perkembangan dunia penulisan di Malaysia

Dr. Abdul Rahman berpendapat bahawa dunia penulisan dan penyelidikan di Malaysia kini menunjukkan perkembangan yang semakin memberangsangkan dengan pertambahan penerbitan buku-buku ilmiah dan akademik.

Namun begitu, beliau memberitahu bahawa lambakan bahan bacaan yang kurang memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya novel berbentuk khayalan, dilihat sebagai satu cabaran kepada perkembangan budaya ilmu dalam kalangan generasi muda.

"Buku-buku ilmiah sebenarnya memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran kritis dan menambah pengetahuan masyarakat.

"Namun, sambutan terhadapnya masih belum setanding dengan populariti novel," ujar beliau.

Menurut Dr. Abdul Rahman, terdapat juga novel yang berjaya menarik perhatian pembaca kerana menyelitkan unsur-unsur keagamaan dan nilai-nilai murni dalam penceritaan, sekali gus meningkatkan daya tarikan karya tersebut.

Dalam pada itu, beliau membangkitkan kebimbangan bahawa populariti novel yang semakin meningkat mungkin menyebabkan permintaan terhadap penerbitan akademik dan ilmiah terus menurun.

Beliau turut menyentuh fenomena penulis yang menerbitkan buku secara kendiri serta menguruskan penjenamaan mereka sendiri, yang dilihat memberi impak positif terhadap prestasi jualan dan capaian pembaca.

Selain itu, Dr. Abdul Rahman berkata bahawa budaya pembelian buku di Malaysia juga semakin dipengaruhi oleh perkembangan media digital, termasuk perkongsian kandungan dan ulasan buku di platform seperti *YouTube* yang mampu membantu meningkatkan minat masyarakat terhadap bahan bacaan.

Bagaimanapun, beliau berharap masyarakat, khususnya golongan muda, dapat mengimbangi minat membaca antara karya kreatif dan bahan ilmiah agar budaya ilmu terus subur serta mampu melahirkan generasi yang berpengetahuan dan berfikiran kritis.

### Legasi ilmu

Dr. Abdul Rahman berpendapat bahawa minat terhadap sesuatu bidang, khususnya penulisan dan penyelidikan, tidak boleh diwariskan meskipun seseorang dibesarkan dalam persekitaran yang kaya dengan ilmu serta budaya membaca.

Menurut beliau, sebagai seorang penulis dan ahli akademik, sudah tentu beliau berharap agar anak-anaknya turut mewarisi minat yang sama dalam dunia penulisan.

Namun, beliau menyedari bahawa minat seseorang tidak boleh dipaksa atau ditentukan oleh latar belakang keluarga semata-mata.

"Saya berbangga kerana keenam-enam anak saya berjaya menjadi pendidik sama ada sebagai guru mahupun pensyarah, tetapi tiada seorang pun yang menunjukkan minat mendalam dalam bidang penulisan," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa kepintaran dan kecemerlangan akademik tidak semestinya menjamin seseorang akan meminati bidang tertentu seperti penulisan dan penyelidikan.

"Malah, ramai anak muda pada hari ini dilihat kurang berminat untuk mengikuti jejak kerjaya generasi terdahulu walaupun golongan berpengalaman itu telah mencapai pelbagai kejayaan.

"Menjadi teladan atau memberikan pendedahan sahaja tidak semestinya mampu menarik minat seseorang untuk menceburi sesuatu bidang.

"Sebaliknya, minat dan motivasi dalaman memainkan peranan yang lebih besar dalam menentukan hala tuju seseorang," ujarnya.

Walaupun begitu, Dr. Abdul Rahman berharap segala karya yang telah dihasilkannya dapat menjadi legasi ilmu serta bahan rujukan kepada generasi muda pada masa kini dan akan datang.

• *Sambungan di muka 3.*

# RTB Jalan Medan Tembikai percepat proses aliran air

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



KETUA Menteri diiringi barisan kepimpinan kerajaan hadir meninjau perkembangan projek RTB Jalan Medan Tembikai di sini baru-baru ini.

**PADANG LALANG** – Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Jalan Medan Tembikai yang sedang dilaksanakan dijangka mampu mengurangkan risiko banjir kilat secara signifikan di Taman Sri Rambai dan kawasan sekitar yang sekian lama berdepan kejadian banjir kilat berulang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kawasan tersebut sebelum ini mengalami kejadian banjir kilat sehingga enam kali setahun dan menjejaskan kira-kira 80 rumah dengan paras air dianggarkan antara 300 milimeter (mm) hingga 450 mm.

Menurut beliau, keadaan tersebut bukan sahaja menyebabkan kerosakan harta benda penduduk, malah mengganggu kelancaran lalu lintas serta menjejaskan kualiti hidup masyarakat setempat.

"Projek ini menggunakan sistem pam skru yang mampu mengalirkan air keluar dengan lebih berkesan, sekali gus mempercepat proses pengaliran air ketika berlaku banjir.

"Sebelum ini, antara isu yang dihadapi adalah sampah sarap yang tersangkut di rumah pam sehingga menyebabkan sistem gagal berfungsi dengan baik ketika hujan lebat.

"Dengan penggunaan teknologi pam skru ini, kita berharap masalah tersebut dapat ditangani dengan lebih berkesan dan seterusnya meminimumkan risiko banjir kilat di kawasan Sungai Rambai," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak Projek RTB Jalan Medan Tembikai dekat sini pada 13 Jun lalu.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Exco Belia, Sukan dan Kesihatan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid; barisan Ahli Majlis MBSP serta Pengarah Kejuruteraan MBSP, Mohd. Syukri Said.

Sementara itu, Baderul Amin menjelaskan bahawa pelaksanaan Projek RTB Jalan Medan Tembikai merupakan susulan kepada Projek RTB Parit 4 yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada tahun 2020 berdasarkan kajian bersepadu yang dijalankan dalam dua fasa.

"Susulan kajian tersebut, MBSP menerima arahan bertulis daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2022 untuk melaksanakan Projek RTB Jalan Medan Tembikai memandangkan ia melibatkan kawasan perumahan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Baderul Amin menyatakan bahawa MBSP telah memulakan proses penyediaan reka bentuk terperinci serta perolehan projek pada tahun 2024 mengikut prosedur dan pekeliling yang ditetapkan.

"Pada tahun 2025, pelantikan kontraktor telah disempurnakan dan projek kini berada dalam fasa pelaksanaan fizikal.

"Projek ini melibatkan kos kira-kira RM4.83 juta, bermula pada April tahun lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada April 2027," ujarnya sambil menambah bahawa pelaksanaan projek tersebut kini berada pada tahap 48 peratus.Dalam pada itu, Zi Sen merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri dan MBSP atas komitmen melaksanakan projek berkenaan demi kesejahteraan penduduk.

Beliau turut memaklumkan bahawa permohonan bagi pelaksanaan Projek RTB Sungai Kilang Ubi yang berskala lebih besar telah dikemukakan bagi menangani isu banjir kilat di Jalan Bukit Minyak.

"Sekiranya Projek RTB Sungai Kilang Ubi dapat dilaksanakan, ia dijangka mampu mengurangkan kejadian banjir kilat secara ketara di kawasan Padang Lalang dan sekitarnya," katanya.

Difahamkan, skop projek termasuk pembinaan rumah pam yang dilengkapi dua unit pam berkapasiti 500 liter sesaat (l/s) setiap satu; kerja menaik taraf parit jenis *U-Drain* (UD) bersaiz 1,200 mm x 600 mm sepanjang 770 meter; serta parit UD bersaiz 900 mm x 900 mm sepanjang 300 meter.

Selain itu, projek berkenaan turut merangkumi kerja menaik taraf kotak pembentung pelbagai saiz sepanjang kira-kira 900 meter; kerja membaik pulih aliran kolam takungan termasuk menaik taraf *balancing culvert*; kerja menaik taraf bahu dan turapan jalan yang terlibat dalam skop projek; serta pemasangan pintu air mengikut spesifikasi dan saiz yang ditetapkan.

## Kejayaan sebenar, keikhlasan niat dalam setiap amalan

• *Sambungan dari muka 2.*

Mengulas mengenai usaha melahirkan lebih ramai penulis dan penyelidik, beliau menegaskan bahawa pengaruh seseorang tokoh boleh berlaku secara tidak langsung.

"Ada individu yang mungkin hanya mengagumi atau mencontohi seseorang tokoh pada masa hadapan tanpa melalui proses pembelajaran formal.

"Oleh itu, golongan muda digalakkan agar mengenali diri sendiri dan mencari minat masing-masing, bukannya dipaksa untuk mengikuti sesuatu bidang yang tidak diminati," katanya.

Menurutnya, bimbingan dan peranan mentor tetap penting, namun ia perlu diberikan secara terpilih mengikut kesesuaian individu.

"Teladan dan contoh yang baik sememangnya membantu dalam membentuk minat seseorang, namun ia tidak mencukupi tanpa bimbingan yang sesuai serta inisiatif individu itu sendiri," ulas beliau lanjut.

Bagi Dr. Abdul Rahman, yang paling penting adalah memastikan legasi ilmu terus hidup dan memberi manfaat kepada generasi akan datang.

**Makna sebuah kejayaan**

Ditanya mengenai makna sebuah kejayaan bagi seorang ilmuan, Dr. Abdul Rahman memberitahu bahawa kejayaan yang sebenar bagi seorang insan termasuk ilmuan adalah mencapai keredaan Allah.

Beliau menegaskan bahawa kejayaan sebenar bergantung kepada keikhlasan niat dalam setiap amalan yang dilakukan.

Menurut beliau, amalan zahir seperti solat, puasa dan bersedekah tidak membawa sebarang makna sekiranya dilakukan demi mendapatkan nama, populariti atau pujian manusia.

"Sebaliknya, setiap ibadah dan kebaikan mestilah dilakukan dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT," ujarnya.

Beliau turut melahirkan kebimbangan terhadap sikap segelintir masyarakat yang terlalu menghargai pujian dan pengiktirafan awam.

"Ada yang merasakan diri mereka telah mendapat keredaan Allah hanya kerana nama mereka disebut, dipuji atau dihormati oleh orang ramai.

"Hakikatnya, pengiktirafan manusia bukanlah ukuran sebenar penerimaan sesuatu amalan di sisi Tuhan," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau menekankan pentingnya setiap individu sentiasa melakukan muhasabah diri dan menilai semula niat dalam setiap perkara yang dilakukan.

Katanya, perasaan takut terhadap kemungkinan amalan tidak diterima seharusnya mendorong seseorang untuk terus memperbaiki diri dan membetulkan niat.

Tambah beliau, seseorang mungkin menghabiskan siang dan malam dengan pelbagai bentuk ibadah, namun tanpa keikhlasan, semua amalan itu boleh menjadi sia-sia dan tidak bernilai di sisi Allah, bahkan diibaratkan seperti debu yang berterbangan.

"Kejayaan sebenar adalah apabila setiap amalan dilakukan dengan penuh keikhlasan dan diterima oleh Allah SWT.

"Itulah kejayaan hakiki yang membawa kebahagiaan bukan sahaja di dunia, tetapi juga di akhirat," katanya menutup bicara.



**MESIN taip masih digunakan dalam penghasilan karya beliau.**

# Perkukuh kerjasama rentas politik

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**

**GEORGE TOWN** – Penyertaan negeri-negeri yang ditadbir oleh parti dan gabungan politik berbeza dalam Forum Jawatankuasa Pilihan Mengenai Perhubungan Negeri dan Persekutuan membuktikan bahawa isu federalisme, tadbir urus dan pembinaan negara melangkaui batas politik demi kepentingan rakyat serta pembangunan negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, walaupun wujud perbezaan pandangan politik, semua pihak berkongsi tanggungjawab yang sama untuk berkhidmat kepada rakyat serta menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

"Forum ini bukan bertujuan menjadi medan persaingan politik dan tidak ditujukan terhadap mana-mana peringkat kerajaan.

"Sebaliknya, inisiatif ini bertujuan memulakan perbincangan yang konstruktif dan berpandangan jauh antara negeri-negeri mengenai usaha memperkukuh kerjasama dalam hal ehwal hubungan Persekutuan–Negeri serta tadbir urus antara kerajaan," katanya ketika merasmikan Forum Jawatankuasa Pilihan Mengenai Perhubungan Negeri dan Persekutuan di sini pada 11 Jun lalu.

Menurut Kon Yeow, ketika negara terus berkembang dan berdepan pelbagai cabaran baharu dalam aspek ekonomi, sosial serta pembangunan, negeri-negeri perlu berinteraksi dengan lebih kerap bagi bertukar pengalaman, berkongsi amalan terbaik dan meneroka peluang kerjasama dalam isu yang menjadi kepentingan bersama.

"Oleh itu, forum ini menjadi medan penting untuk membincangkan



**ANTARA dif jemputan yang turut serta dalam Forum Jawatankuasa Pilihan Mengenai Perhubungan Negeri dan Persekutuan di sini baru-baru ini.**

kedudukan semasa federalisme di Malaysia, meneliti cabaran kontemporari serta mempertimbangkan pendekatan yang mampu memperkukuh federalisme kerjasama pada masa hadapan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa antara perkara yang boleh diterokai termasuk mekanisme untuk memperkukuh kerjasama antara negeri, perkongsian pengalaman dasar dan amalan terbaik, pengukuhan saluran dialog institusi serta usaha menggalakkan penglibatan yang lebih konstruktif dalam isu yang memberi kesan kepada negeri-negeri di seluruh Persekutuan.

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa matlamat utama forum tersebut bukan untuk mencapai keseragaman pandangan, sebaliknya memupuk persefahaman bersama, mengeratkan




**SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Forum Jawatankuasa Pilihan Mengenai Perhubungan Negeri dan Persekutuan di *Penang Institute* pada 11 Jun lalu.**

hubungan antara negeri-negeri serta mengenal pasti bidang yang boleh dipertingkatkan melalui kerjasama demi manfaat rakyat secara keseluruhan.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang percaya bahawa sebuah Persekutuan yang kukuh dibina atas asas perkongsian yang kukuh dan negeri-negeri pula bukan sekadar unit pentadbiran, sebaliknya merupakan rakan penting dalam usaha membina negara.

"Melalui dialog, kerjasama dan sikap saling menghormati, kita dapat menyumbang ke arah sebuah Persekutuan yang lebih berdaya tahan, lebih responsif dan lebih bersedia untuk memenuhi aspirasi rakyat," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Hubungan Negeri–Persekutuan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung menjelaskan bahawa kepelbagaian keperluan dan cabaran yang dihadapi setiap negeri di Malaysia menuntut pendekatan yang lebih fleksibel, inovatif serta disesuaikan dengan realiti tempatan.

Menurut beliau, setiap negeri mempunyai keunikan tersendiri yang memerlukan penyelesaian berbeza. Justeru, dasar yang berkesan di sesebuah negeri tidak semestinya sesuai dilaksanakan di negeri lain.

"Apa yang sesuai untuk Pulau Pinang mungkin tidak sesuai untuk Perlis. Apa yang sesuai untuk Selangor mungkin berbeza daripada keperluan Terengganu. Begitu juga, apa yang sesuai untuk Sabah tidak semestinya sesuai untuk Sarawak.

"Kepelbagaian ini merupakan kekuatan Malaysia, namun pada masa sama, ia memerlukan lebih banyak fleksibiliti, inovasi pada peringkat negeri dan ruang untuk menyesuaikan dasar mengikut keperluan tempatan," katanya.

Serentak itu, beliau menegaskan bahawa tiada negeri yang mampu memperjuangkan agenda pembaharuan tersebut secara bersendirian kerana isu hubungan Persekutuan–Negeri memberi kesan kepada semua negeri, walaupun dalam bentuk yang berbeza.

"Sabah dan Sarawak pula mempunyai tuntutan serta aspirasi tersendiri yang berkait rapat dengan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)," jelasnya.

Walaupun berdepan cabaran berbeza, beliau menyatakan bahawa semua negeri berkongsi matlamat yang sama, iaitu memastikan hubungan Persekutuan–Negeri ditadbir menerusi mekanisme yang telus, boleh diramal dan berkesan.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan forum berkenaan sebagai platform penting untuk membina persefahaman, berkongsi pengalaman serta mengenal pasti peluang kerjasama yang boleh dimanfaatkan demi kepentingan bersama.

"Forum ini bukan bertujuan membentuk blok politik atau mewujudkan perpecahan, sebaliknya untuk memperkukuh kerjasama antara negeri.

"Apabila negeri-negeri bekerjasama, Persekutuan akan menjadi lebih kuat," ujarnya.

Dalam pada itu, Hsiao-Leung menegaskan bahawa isu federalisme tidak seharusnya dilihat melalui lensa kepartian kerana ia melibatkan kepentingan seluruh rakyat.

Jelas beliau, aspek seperti pembahagian kuasa, perkongsian hasil, mekanisme institusi dan struktur tadbir urus bukan milik mana-mana parti politik, sebaliknya merupakan asas penting kepada kelangsungan negara.

"Kerajaan boleh bertukar dan parti politik yang memerintah boleh datang serta pergi, tetapi institusi akan kekal.

"Keputusan yang dibincangkan hari ini mengenai hubungan Persekutuan–Negeri akan terus memberi kesan kepada negara jauh selepas kita meninggalkan jawatan masing-masing," ulasnya lanjut.

Beliau turut menyeru agar reformasi federalisme dijadikan agenda nasional yang didukung menerusi semangat dwipartisan, melangkaui perbezaan politik demi memastikan hubungan Persekutuan–Negeri yang terbaik dapat diwujudkan untuk manfaat rakyat pada masa hadapan.

"Sekiranya kita dapat bersetuju mengenai prinsip ini, maka ruang untuk reformasi yang bermakna akan sentiasa terbuka," ujarnya.

# Setiap pandangan siri jelajah direkod

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **LAW SUUN TING**



KETUA Menteri menyantuni seorang peniaga muda yang mengusahakan perniagaan runcit di Pasar Awam Sama Gagah di sini baru-baru ini.

**PERMATANG PASIR** - Kerajaan Negeri terus komited untuk memperkasa peranan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di Pulau Pinang menerusi pemberian peruntukan tahunan sebanyak RM10,000 kepada setiap pasukan pada tahun ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kini terdapat 36 PBS di seluruh negeri yang memainkan peranan penting sebagai barisan sokongan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam menghadapi kebakaran serta pelbagai bencana lain.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri juga bersedia mempertimbangkan permohonan tambahan berdasarkan keperluan semasa pasukan berkenaan termasuk bagi tujuan pembelian kenderaan atau kelengkapan operasi.

"Pulau Pinang mempunyai rangkaian bomba sukarela yang kuat. Justeru, apabila berlaku kebakaran atau bencana, mereka akan digerakkan bagi membantu memperkukuh keanggotaan dan jentera di lokasi kejadian.

"Terdapat pasukan yang memerlukan bantuan tambahan dan kita akan meneliti setiap permohonan yang dikemukakan. Bantuan boleh dipertimbangkan mengikut keperluan dalam jumlah tertentu bagi memastikan mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan," katanya pada Siri Jelajah CM Chow ke Parlimen Permatang Pauh bersama PBS Permatang Pauh di sini pada 17 Jun lalu.

Dalam pada itu, pertemuan bersama PBS Permatang Pauh tersebut turut membangkitkan beberapa keperluan termasuk cadangan pengurangan kadar Lesen Pendudukan Sementara (LPS) sebagai penghargaan terhadap peranan mereka dalam membantu operasi kecemasan.

Mengulas perkara tersebut, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan berkenaan termasuk kemungkinan mengenakan caj nominal kepada PBS Permatang Pauh yang menggunakan kemudahan tersebut.

Sementara itu, sesi libat urus bersama peniaga di Pasar Awam Sama Gagah turut memberi peluang kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan berkaitan keadaan perniagaan semasa, selain isu melibatkan lesen dan penempatan gerai.

"Antara maklum balas yang diterima adalah keadaan perniagaan yang kurang memberangsangkan.

"Malah, terdapat juga peniaga yang membangkitkan perkara berkaitan lesen dan penempatan gerai.

"Mereka berpendapat bahawa lokasi gerai memainkan peranan penting dalam menarik pelanggan, namun sebarang pertukaran atau penempatan semula gerai perlu tertakluk kepada ketetapan pihak berkuasa tempatan (PBT).



PEMINAT cilik teruja apabila berpeluang bertemu serta beramah mesra dengan Ketua Menteri ketika Siri Jelajah CM Chow ke Parlimen Permatang Pauh pada 17 Jun lalu. Turut sama mengiringi ialah Goh Choon Aik (tengah, berkemeja putih).

"Sehubungan itu, setiap pandangan dan cadangan yang diterima sepanjang siri jelajah ini akan direkodkan serta disalurkan kepada pihak berkaitan untuk pertimbangan dan tindakan sewajarnya," jelasnya lanjut.

Dalam siri jelajah sama, Kon Yeow turut meluangkan masa bersama penduduk setempat termasuk golongan belia yang aktif menggunakan gelanggang bola keranjang di kawasan berkenaan. Mereka turut membangkitkan keperluan untuk membina bumbung di gelanggang tersebut.

Antara yang turut mengikuti siri jelajah berkenaan ialah Exco Perdagangan dan Perpaduan Masyarakat, Goh Choon Aik; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Pasir, Muhammad Hamdi Md. Noor; Pegawai Khas kepada Perdana Menteri, Zainal Abidin Saad serta Pengerusi Persatuan Bomba Sukarela Permatang Pauh, Goh Soon Eik.



SENYUMAN ceria anak-anak muda Permatang Pasir yang mengabadikan kenangan menerusi swafoto ketika Siri Jelajah CM Chow ke Parlimen Permatang Pauh baru-baru ini.



GELAGAT spontan Ketua Menteri yang sempat dirakam lensa ketika melakukan *'fist bump'* dengan seorang peniaga ikan di Pasar Awam Sama Gagah di sini baru-baru ini.

# ‘Kecil-kecil cili padi’

Oleh : **MOHD. AIZAT SHARIF FISALLUDDIN**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

UNGKAPAN ‘kecil-kecil cili padi’ sememangnya tepat menggambarkan dua beradik cilik, **P. MEVISHKA ISHA**, 9, dan adiknya, **P. DARLINIA ISHA**, 8, yang berjaya mencipta nama di pentas antarabangsa hasil bakat luar biasa dalam seni bercerita dan pengucapan awam.

Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Permatang Tinggi itu berjaya meraih Anugerah Perak pada *World Championship International Grand Finals 2026* di Bangkok, Thailand, sekali gus mengharumkan nama Pulau Pinang dan Malaysia di persada dunia.



GURU Besar SJKT Permatang Tinggi, A Sathivelo (tengah) berbangga dengan pencapaian kedua-dua adik beradik yang juga muridnya itu.



P. Darlinia Isha.



P. Mevishka Isha.

Pada kejohanan yang berlangsung dari 23 hingga 26 Mei lalu, Mevishka beraksi dalam kategori usia sembilan hingga 10 tahun menerusi cerita bertajuk *‘The Bear and the Bee’*, manakala Darlinia yang bertanding dalam kategori usia tujuh hingga lapan tahun mempersembahkan *‘The City Mouse and the Country Mouse’*.

Kejayaan tersebut hadir selepas Darlinia muncul naib johan *Kids Got Talent Malaysia 2026*: *Storytelling* di Kuala Lumpur pada 23 Mei lalu, sementara Mevishka meraih tempat ketiga bagi kategori usia sembilan hingga 11 tahun.

Lebih membanggakan, Darlinia turut melayakkan diri ke sesi uji bakat secara dalam talian bagi pertandingan *America's Got Talent* (AGT) musim ke-21 yang dijangka berlangsung sebelum penghujung tahun ini.

Ketika ditemui Buletin Mutiara di sekolahnya, Mevishka menyifatkan kejayaan yang diraih bersama adiknya sebagai detik paling bermakna dalam kehidupan mereka, selain menjadi pemangkin untuk memartabatkan seni pengucapan awam dalam kalangan kanak-kanak.

“Sudah tentu saya dan adik saya berasa gembira atas kejayaan yang kami kecapi ini kerana bukanlah mudah untuk kami sampai ke tahap ini.

“Semuanya bermula daripada minat kami terhadap amalan membaca yang dipupuk sejak kecil lagi.

“Malah, ini juga salah satu cara kami ingin membawa pengucapan awam ke tahap yang lebih tinggi kerana di situlah keyakinan diri dapat dipupuk sehingga kami berjaya meraih kejayaan di Bangkok tempoh hari.

“Saya berharap kami dapat terus mengharumkan nama sekolah, negeri dan negara dalam pertandingan seumpama ini pada masa akan datang,” katanya.

Sebagai kakak, Mevishka berkata, dia akan terus memberi sokongan penuh kepada Darlinia dalam membuat persiapan menghadapi sesi uji bakat AGT.

“Ini adalah peluang untuk adik saya menyerlah dan saya akan sentiasa memberi semangat serta membantunya membuat persediaan,” ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara pada 11 Jun lalu.

Kejayaan berterusan dua beradik itu membuktikan bahawa sokongan keluarga, disiplin berlatih dan budaya membaca sejak kecil mampu melahirkan bakat muda yang berpotensi mengharumkan nama negeri serta negara di pentas dunia.

Sementara itu, ibu mereka, **S. KUMUTHEMALAR**, 38, menyatakan bahawa kejayaan kedua-dua anaknya banyak dipengaruhi oleh amalan membaca yang diterapkan sejak usia muda.

“Memang mereka sangat gemar membaca buku dan ia membantu mereka menguasai kosa kata, memahami jalan cerita serta meningkatkan keyakinan ketika berucap.

“Selain itu, kedua-duanya menjalani latihan di rumah setiap hari dengan tempoh penyampaian setiap cerita dihadkan kepada tiga minit bagi membiasakan mereka dengan syarat pertandingan,” jelasnya.

Beliau memberitahu bahawa keluarganya kini sedang membuat persiapan rapi bagi memastikan Darlinia dapat memberikan persembahan terbaik pada sesi uji bakat AGT yang dijadual berlangsung secara dalam talian penghujung tahun ini.

“Kami mahu dia membawa nama Malaysia dengan sebaik mungkin dan memanfaatkan peluang yang sangat berharga ini.

“Sama ada menang atau tidak, itu bergantung kepada penilaian juri, namun harapan kami adalah agar dia dapat memberikan persembahan terbaik dan meninggalkan impak yang positif,” katanya.

Bapa mereka, **DR. V.P. PUVANESWARAN**, 44, pula memberitahu bahawa cabaran terbesar bagi kedua-dua anaknya adalah perlu menghadapi pertandingan *Kids Got Talent Malaysia 2026: Storytelling* dan *World Championship International Grand Finals 2026* yang berlangsung dalam tempoh yang sangat hampir.

“Tempohnya agak singkat dan jadual pertandingan juga sangat padat, namun saya yakin anak-anak mampu memberikan yang terbaik.

“Memang meletihkan kerana kedua-dua pertandingan berlangsung hampir serentak, namun kami tidak mahu mereka melepaskan peluang mewakili Malaysia,” katanya.

Untuk rekod, Mevishka dan Darlinia turut mencatat pelbagai kejayaan dalam pertandingan bercerita lain termasuk *Hippo English Olympiad Play-Off Qualifier*; *InfoTech Pro Academy (ITPA) English Story Telling Contest*; Pertandingan Bercerita Popular Bookstore; Pertandingan Bercerita Identiti Anak ASEAN anjuran Jabatan Penerangan Malaysia; pertandingan bercerita peringkat kebangsaan anjuran *International Conference on Business Studies and Education* (ICBE) dalam bahasa Tamil, Melayu dan Inggeris, serta *Poslaju Story Writing Competition*.

# Laksa Mee Pangkor tarikan baharu Dapur Makton




ZAITUN Mat Sahad menunjukkan Laksa Mee Pangkor yang menjadi antara menu pilihan di Dapur Makton di sini.

**BERBEKALKAN** resipi warisan keluarga yang dibawa dari Pulau Pangkor, seorang pengusaha makanan tempatan kini berusaha memperkenalkan Laksa Mee Pangkor kepada masyarakat Pulau Pinang menerusi premis perniagaannya, Dapur Makton.

Pengusahanya, **ZAITUN MAT SAHAD**, 55, berkata bahawa idea untuk memperkenalkan juadah tradisional itu tercetus selepas beliau menyertai Pesta Laksa yang berlangsung di Empangan Mengkuang pada 25 hingga 28 November tahun lalu.

Menurut beliau, penyertaannya dalam pesta berkenaan adalah atas cadangan seorang rakan yang melihat potensi Laksa Mee Pangkor yang masih kurang dikenali dalam kalangan masyarakat di negeri ini.

"Seorang kawan mencadangkan supaya saya menyertai Pesta Laksa dengan menjual Laksa Mee Pangkor kerana juadah ini masih kurang dikenali di Pulau Pinang.

"Ketika itu, saya menyertai pesta tersebut buat pertama kali dan tidak menyangka sambutan yang diterima begitu menggalakkan sehingga berjaya mencatatkan jualan kira-kira RM10,000 sepanjang empat hari program berlangsung," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** ketika ditemui pada 22 Jun lalu.

Dapur Makton yang telah beroperasi sejak kira-kira empat tahun lalu sebelum ini menawarkan pelbagai menu masakan panas seperti nasi goreng, mi goreng, kuetiau goreng kerang, bihun sup serta rojak buah.

Walau bagaimanapun, Laksa Mee Pangkor kini muncul sebagai menu istimewa yang bakal diketengahkan sebagai antara tarikan utama premis tersebut.

Mengulas mengenai keistimewaan hidangan itu, Zaitun menyatakan bahawa Laksa Mee Pangkor mempunyai cita rasa tersendiri dan berbeza daripada jenis laksa lain yang popular di negara ini.

Menurutnya, hidangan tersebut dipercayai berasal daripada masyarakat Kantonis dari Guangdong, China yang berhijrah ke Tanah Melayu, khususnya ke Pulau Pangkor, Perak, dan membawa bersama resipi berkenaan.

"Lama-kelamaan, masakan ini menjadi sebahagian daripada identiti makanan masyarakat di Pulau Pangkor dan kawasan sekitar seperti Lumut serta Pantai Remis.

"Mi yang digunakan lebih tebal, lembut dan kenyal berbanding mi laksa biasa.



LAKSA Mee Pangkor bukan sahaja unik malah mula mendapat sambutan pengunjung tempatan.

"Kuahnya pula dihasilkan daripada rebusan ikan seperti ikan kembung atau ikan selayang yang dimasak bersama rempah dan asam keping," jelas beliau.

Tambahnya, keseimbangan rasa lemak dan masam menjadikan Laksa Mee Pangkor istimewa serta sesuai dinikmati pada waktu sarapan.

"Hidangan tersebut lazimnya dihidangkan bersama hirisan timun, bawang, cili, daun pudina dan sambal belacan bagi menambahkan lagi keenakannya.

"Lebih bermakna, resipi yang digunakan di Dapur Makton merupakan resipi asli peninggalan arwah ibu saya yang berasal dari Pulau Pangkor," jelasnya.

Zaitun berkata, beliau telah mempelajari cara penyediaan hidangan tersebut sejak di bangku sekolah, namun sebelum ini hanya menyediakannya untuk keluarga dan tidak pernah dikomersialkan.

"Dulu, makanan ini tidak begitu dikenali kecuali di kawasan tertentu di Perak. Sebab itu, saya hanya memasaknya untuk keluarga.

"Setakat ini, hanya pelanggan yang mengetahui tentang Laksa Mee Pangkor membuat tempahan kerana menu ini belum dimasukkan secara rasmi dalam senarai jualan di warung," ulasnya.

Beliau bagaimanapun optimis bahawa hidangan tersebut mampu mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang dan merancang untuk menjadikannya sebagai menu tetap di Dapur Makton dalam masa terdekat.

Sebagai usaha memperluaskan lagi pemasaran, Zaitun turut menyertai karnival makanan sempena Sambutan Hari Koperasi Negara 2026 yang berlangsung di Pusat Konvensyen PICCA, Butterworth dari 3 hingga 5 Julai lalu.

Selepas penyertaan tersebut, Laksa Mee Pangkor dijangka diperkenalkan secara rasmi sebagai menu kekal di premis berkenaan.

Zaitun yang merupakan ibu kepada tiga cahaya mata dan nenek kepada lima cucu turut mengalu-alukan orang ramai untuk datang ke Dapur Makton bagi menikmati sendiri keenakan Laksa Mee Pangkor.

Maklumat lanjut mengenai hidangan tersebut boleh diperoleh menerusi akaun *TikTok* Dapur Makton atau dengan menghubungi talian 012-649 5997 untuk tempahan.




ZAITUN Mat Sahad turut meluangkan masa melayani pelanggan di gerainya.

# Ternakan ikan sistem bioflok mesra alam, biosekuriti tinggi

**DALAM** usaha memperkasakan ekonomi komuniti dan memperkenalkan kaedah pertanian moden yang lebih lestari, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bandar Perda tampil dengan inisiatif projek ternakan ikan tilapia merah menggunakan sistem bioflok.

Projek yang diterajui Pengerusi MPKK Bandar Perda, **MEGAT MOHD. KHAIRULNIZAM MEGAT JAAFAR** itu bukan sahaja membuka peluang ekonomi baharu kepada penduduk setempat, malah menjadi contoh bagaimana teknologi moden mampu dimanfaatkan pada peringkat komuniti.

Megat Mohd. Khairulnizam berkata bahawa penternakan ikan menggunakan sistem bioflok semakin mendapat perhatian di Malaysia kerana kecekapan serta keberkesanannya dalam meningkatkan hasil ternakan dengan kos yang lebih rendah.

"Bioflok merupakan teknologi yang menggunakan kitaran nutrien untuk mengekalkan kualiti air dan mengurangkan keperluan pertukaran air secara kerap.

"Sistem bioflok terdiri daripada gabungan bakteria, alga, protozoa dan bahan organik yang turut berfungsi sebagai sumber makanan semula jadi kepada ikan," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui di Dewan MPKK Bandar Perda pada 19 Jun lalu.

Megat Mohd. Khairulnizam menyatakan bahawa teknologi tersebut mula digunakan secara komersial di Amerika Tengah sebelum berkembang ke negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, Brazil, Israel dan Itali.

"Salah satu kelebihan utama sistem bioflok adalah sifatnya yang mesra alam kerana tidak mencemarkan sumber air serta mempunyai tahap biosekuriti yang tinggi.

"Selain itu, teknologi tersebut juga dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tanah dan air serta tidak memerlukan infrastruktur yang mahal.

"Penggunaan bioflok juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap makanan ikan komersial kerana mikroorganisma yang terbentuk di dalam kolam boleh menjadi sumber makanan tambahan kepada ikan," ulasnya lanjut.

### Bermula dengan pelaburan RM50,000

Menurut Megat Mohd. Khairulnizam, projek yang dilaksanakan oleh MPKK Bandar Perda itu bermula dengan pelaburan awal sebanyak RM50,000 melibatkan enam tangki ternakan yang kini sedang beroperasi.




MEGAT Mohd. Khairulnizam Megat Jaafar.

Tambah beliau, sistem bioflok yang digunakan dibina menggunakan kerangka atau kepingan zink sebagai dinding sokongan luar dan dilapisi dengan kanvas PVC kalis air di bahagian dalam.

"Tangki yang digunakan pula mampu menampung antara 1,500 hingga 3,000 ekor ikan bergantung kepada saiz kolam.

"Projek tersebut dilaksanakan secara gotong-royong dengan kerjasama komuniti setempat dan dipantau oleh seorang penyelaras yang dilantik khas.

"Bagi meningkatkan aspek keselamatan, kami memasang kamera litar tertutup (CCTV), selain dibantu oleh 12 ahli jawatankuasa MPKK yang sentiasa memantau perjalanan projek ini," jelasnya.

Beliau yang juga seorang peniaga memberitahu bahawa penglibatannya dalam bidang pertanian bukanlah sesuatu yang baharu kerana sebelum ini turut mengusahakan beberapa projek pertanian termasuk tanaman tembikai susu.

### Menimba ilmu sebelum mulakan projek

Sebelum projek dilaksanakan secara serius, pihak MPKK Bandar Perda telah menghadiri kursus berkaitan sistem bioflok di Negeri Sembilan, selain mengadakan lawatan ke beberapa projek yang telah berjaya dilaksanakan.

"Selepas itu, kami menyediakan kertas kerja dan mengadakan perbincangan bersama komuniti setempat. Selepas mendapat persetujuan, projek ini mula dilaksanakan pada April lalu," jelasnya.



DIET pemakanan ikan tilapia merah dikawal rapi bagi menjamin kualitinya.

Megat Mohd. Khairulnizam memberitahu bahawa pembinaan kolam dan pemasangan sistem pengudaraan berterusan mengambil masa kira-kira dua bulan sebelum benih ikan tilapia merah dimasukkan pada bulan ketiga.

Katanya, projek tersebut turut mendapat sokongan daripada Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang serta Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

### Sasaran hasil

Bagi pusingan pertama, MPKK Bandar Perda menjangkakan pengeluaran antara 2.8 hingga tiga tan ikan tilapia merah dalam tempoh kira-kira 100 hari.

"Ikan tilapia merah memerlukan sekitar 100 hari untuk mencapai saiz matang dengan berat kira-kira 350 gram seekor.

"Justeru, kami menjangkakan pulangan sekitar RM48,000 bagi fasa pertama ini," ujarnya.

Walaupun pulangan awal dilihat masih belum dapat menampung keseluruhan modal yang digunakan, beliau yakin keuntungan akan mula diperoleh pada pusingan seterusnya apabila kos pembinaan dan infrastruktur tidak lagi perlu ditanggung.

Dari segi pemasaran pula, pihak MPKK telah mengenal pasti pengedar sebelum projek dimulakan bagi memastikan hasil ternakan dapat dipasarkan dengan lancar.

Menurut beliau, ikan tilapia merah mempunyai permintaan yang baik, khususnya dalam kalangan masyarakat Cina dan India yang gemar mendapatkan bekalan ikan segar.

"Antara kelebihan ikan yang diternak melalui sistem bioflok adalah tidak mempunyai bau selut seperti ikan yang diternak di dalam kolam tanah.

"Saya berani memberi jaminan terhadap kualiti ikan ini. Jadi, mana-mana pihak yang ingin melihat sendiri hasilnya, kami sedia memasak ikan tersebut untuk mereka merasai sendiri kualiti yang dihasilkan," katanya.

### Manfaat kepada komuniti

Megat Mohd. Khairulnizam berkata, projek tersebut memberikan pelbagai manfaat kepada komuniti, terutama dari sudut ekonomi dan peluang menjana pendapatan.

Menurutnya, sistem bioflok boleh dilaksanakan sama ada pada skala kecil atau besar mengikut kemampuan dan kesesuaian individu.

"Projek ini juga boleh dijalankan di rumah kerana tidak memerlukan kawasan yang luas, selain lebih mesra alam dan mampu membantu meningkatkan bekalan makanan negara melalui pengeluaran hasil akuakultur," ulasnya lanjut.

